

USRAH PENERAJU DASAR TARBIAH KUIS: SATU TINJAUAN¹

Norsaadah binti Din @ Mohamad Nasirudin², Yusni bin Mohamad Yusak³, dan
Barisan Jawatankuasa Induk Pembangunan Tarbiah & Etika Pegawai KUIS

ABSTRAK

Dasar Tarbiah Pegawai Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) adalah bertujuan merancang dan melaksanakan program pembangunan tarbiah dan etika yang melibatkan pegawai dan kakitangan KUIS. Dasar ini adalah sejajar dengan persetujuan yang dicapai dalam mesyuarat Ahli Lembaga Penasihat Masjid Al-Azhar kali pertama bagi tahun 2017 yang bersidang pada 29 Mac 2017. Objektif kepada dasar tarbiah pegawai dan kakitangan KUIS ini adalah untuk memberi kefahaman Islam yang syumul, pembentukan pemikiran dan tindakan melalui nilai-nilai Islam, membangunkan jati diri yang mencerminkan KUIS sebagai IPT Islam dan menyemarakkan biah solehah di KUIS melalui pengamalan etika kerja berteraskan Islam sama ada melalui proses pengajaran dan pembelajaran mahupun urusan harian pentadbiran. Bagi memastikan keberkesanan kepada pelaksanaan dasar ini, pelbagai strategi dibincangkan khususnya pembangunan usrah. Metodologi yang dilaksanakan pada peringkat ini bergantung kepada jenis aktiviti yang dijalankan seperti usrah umum, usrah gabungan mahupun usrah secara berkumpulan. Oleh yang demikian hasil penulisan ini akan meninjau dapatan dari soal selidik yang telah diedarkan kepada para pegawai KUIS pada 3 April 2018.

Kata kunci: *Usrah, Dasar, Tarbiah, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)*

PENDAHULUAN

Sebagai sebuah Institusi Pengajian Tinggi Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) harus menerapkan satu sistem pentarbiyahan dan pembangunan jati diri Islam dari sudut jasmani dan rohani kepada setiap warganya yang terdiri daripada pentadbir dan tenaga akademik di KUIS. Hal ini kerana pentadbir dan tenaga akademik kedua-duanya memainkan peranan penting membentuk dan menjadi cerminan penerapan nilai-nilai Islam kepada para pelajar yang sedang menuntut ilmu di KUIS. Tegas Muhammad et al. (2011) pelajar wajib dibekalkan dengan penerapan akhlak mulia serta keimanan kepada Allah SWT. Penerapan akhlak mulia pula hendaklah dimulakan dari peringkat awal bermula dari pihak pengurusan tertinggi, pegawai pentadbir, tenaga akademik serta seluruh warga KUIS iaitu melalui pendekatan usrah yang berteraskan al-Quran dan al-Sunnah (Ahmad, 2011).

¹ Kertas kerja akan dibentangkan dalam Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan (PASAK 2019)

² Beliau adalah Pensyarah di Jabatan Kefahaman dan Pemikiran Islam, Pusat Pengajian Teras, KUIS .email : norsaadah@kuis.edu.my

³ Calon Pelajar PhD Kementerian Pendidikan Malaysia.email: katibah75@gmail.com

MAKSUD USRAH

Usrah merupakan satu istilah yang lazim digunakan dalam budaya gerakan Islam. Ia diperkenalkan oleh Mujaddid Islam Sheikh Hassan al-Banna (1906-1949). Istilah usrah membawa maksud satu persekitaran atau suasana kekeluargaan yang mempertemukan sekumpulan ahli seperti ahli sesebuah keluarga. Ia dipanggil usrah lantaran pertemuan ahli-ahli kumpulan di dalamnya seolah-olah mereka itu terdiri daripada satu keluarga yang diikat dengan ikatan iman, persaudaran dan perjuangan. Usrah adalah pendekatan dakwah Rasulullah SAW yang mengumpulkan satu kelompok yang kecil dimulai dengan ahli keluarga, sahabat handai terdekat dan seterusnya kepada masyarakat sejagat (Norsaadah et al. 2012) Pendekatan usrah menurut Sulaiman (2000) telah mencapai zaman kegemilangan dalam era gerakan Islam Ikhwanul Muslimin di Mesir.

Usrah diadakan dengan matlamat dan tujuan yang spesifik iaitu *hablulminallah* secara *vertical* dan *hablulminanas* secara *horizontal*. Hubungan *vertical* dalam usrah diterjemahkan melalui pengabdian diri dan penyerahan diri kepada Allah *Azza Wa Jalla* berpanduakan Al-Quran dan As-Sunnah, aqidah yang utuh, ibadah yang sempurna serta menterjemahkan kefahaman Islam yang benar secara *lahiriyyah*. Sementara itu, hubungan *horizontal* adalah melalui *muamalah* sesama manusia, flora dan fauna, membina ukhuwwah Islamiyah, meledakkan potensi diri yang sebenar, merawat unsur negatif, menanam rasa bangga terhadap Islam, melaksanakan *intima'* dan *wala'* kepada organisasi, mengkaji dan merawat halangan individu beramal, mendalami ilmu fiqh dakwah serta meningkatkan penguasaan organisasi luar dan dalam. (Norsaadah binti Din. Yusni bin Mohamad Yusak, Muhamad Fadzil, 2012)

Justeru, melalui perbincangan di atas dapatlah disimpulkan bahawa usrah adalah perjumpaan sekumpulan ahli yang bilangannya kecil sekitar 3-10 orang yang berkumpul secara berkala dengan tujuan membina keperibadian muslim yang seimbang dipimpin oleh seorang ketua (*naqib/naqibah*).

Matlamat usrah adalah menepati firman Allah SWT, dalam Surah Al-Maaidah 5:2

(وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ ۖ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ ۗ وَاتَّقُوا اللَّهَ ۖ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ).

Maksudnya: “*Bertolong-tolonganlah kamu berbuat kebaikan dan takwa dan janganlah kamu bertolong-tolongan berbuat dosa dan aniaya dan takutlah kepada Allah SWT. Sesungguhnya Allah SWT sangat keras seksanya*”.

Ia menyediakan satu suasana tarbiah, saling berbincang, belajar, nasihat menasihati dengan kebenaran dan kesabaran, meningkatkan kefahaman, pengetahuan, iltizam kepada Islam dan tuntutan-tuntutannya. Bahan-bahan penyampaian dalam usrah sejajar dengan tahap keahlian berbagai-bagai, namun al-Quran dan Hadis kekal sebagai dua sumber penyampaian utama pada keseluruhan tahap-tahap keahlian. Ia dipengerusi oleh seorang naqib yang mengatur perjalanan usrah tersebut, penyampaian bahan-bahan usrah yang telah ditetapkan untuk ahli-ahli kumpulan.

Objektif peringkat ini adalah untuk:

- i. Mendedahkan konsep tasawwur Islam sebagai cara hidup yang merangkumi semua aspek kehidupan kepada pegawai.

- ii. Melengkapkan pegawai dengan ilmu-ilmu asas fardu ain dalam akidah, syariah dan akhlak.
- iii. Mengukuhkan kemahiran bacaan al-Quran dan rukun qawli solat kepada pegawai.

Modul bagi peringkat individu Muslim ini adalah berdasarkan buku Indahya Hidup Bersyariat (karya Dato' Ismail bin Kamus) dan Baiti Jannati (karya Sahibus Samahah Mufti Wilayah Persekutuan Dato' Zulkifli Al-Bakri).

Ciri-ciri peringkat ini adalah pendedahan tentang asas akidah, syariah dan akhlak Islam, kefahaman terhadap akidah ahli sunnah wal jamaah, penghayatan asas fiqh ibadah seharian termasuk taharah, bacaan Quran, bacaan solat, wirid dan doa asas, dan pemupukan akhlak mulia seperti ikhlas, sabar, syukur, jujur, tawakal dan amanah.

Tanpa mekanisma usrah, tarbiah akan melemah, bergerak lesu, semangat perjuangan akan pudar, organisasi akan luntur, masing-masing akhirnya akan bersendirian, berfikir, berusaha dan akhirnya perjuangan menerusi usaha-usaha secara organisasi akan beransur-ansur padam.

Hakikat ini seolah-olahnya ingin menyampaikan satu mesej yang jelas dan tegas kepada kita, bahawa wasilah ini merupakan satu wasilah Nubuwwah sejak zaman Nabi Muhammad SAW, juga Nabi Isa dalam membentuk golongan Hawariyun yang mampu memercikkan keberkatan kepada usaha-usaha pembangunan diri manusia agar mereka akhirnya benar-benar dapat dilahirkan sebagai hamba-hamba Allah SWT yang saleh, pengikut para- nabi yang taat.

USRAH SEBAGAI SEL KECIL ORGANISASI

Usrah dalam susunan organisasi beroperasi sebagai sel-sel kecil yang berperanan membangun keutuhan, keupayaan peribadi ahli, saban hari ia bertambah baik, meningkat maju, tambah kuat dalam memikul misi perjuangan, memiliki ketinggian disiplin peribadi dan tanzimi, siap untuk mendepani cabaran-cabaran perjuangan masa hadapan.

Usrah disusun agar dapat mengangkat kualiti semua pegawai, mengerakkan mereka supaya aktif dalam pelbagai medan amal, menyebarkan dakwah, mendidik masyarakat berbagai lapisan generasi, kaum lelaki dan wanita, tua dan muda, memperbaiki lingkungan dan mengislah situasi dalaman organisasi. Menerusi usrah berlaku usaha-usaha pembaikan diri, peningkatan kefahaman dan pengetahuan, perbincangan, perpindahan pengalaman, penurunan pesanan dan kebijaksanaan sebanyak-banyaknya kepada semua agar cepat berkembang maju, cepat dewasa, tangkas dalam menghadapi cabaran-cabaran dan tuntutan-tuntutan perjuangan masa mendatang.

Ufuk pemikiran dan pengetahuan mereka tambah meluas, rasa sensitiviti dan tanggungjawab mereka tambah meninggi, hasilnya mereka akan bertindak keluar ke medan-medan amal memperbaiki keadaan masyarakat, perjalanan kehidupan mereka agar tambah baik, meningkat maju selari dengan tuntutan Islam.

RUKUN USRAH

Pengoperasian usrah menuntut perlaksanaan 3 rukun iaitu:

- i. Ta'aruf: Berkenalan yang berterusan sehingga sentiasa ingin tahu, apakah perkembangan terkini dari setiap ahli usrah dalam semua perkara.
- ii. Tafahum: Saling memahami sehingga jadi dekat dan serasi serta saling menasihati.
- iii. Takaful: Saling membantu sehingga sanggup memikul beban di antara satu sama lain di bawah naungan kasih sayang dan rahmat Islam.

Rukun usrah ini harus dipelihara dan diambil berat untuk bersungguh-sungguh menjayakannya supaya ikatan “usrah” tersebut tidak semata-mata menjadi suatu beban yang tidak mempunyai sebarang erti. Ia mesti dipatuhi dan difahami oleh ahli dalam kumpulan. Hubungan yang wujud antara ahli kumpulan menerusi usrah merupakan hubungan dua hala, kasih kerana Allah SWT, antara sesama saudara dalam Islam dan dalam perjuangan, saling kenal mengenali secara dekat, mendalam tentang profil setiap ahli kumpulan, saling memahami antara satu dengan yang lain sehingga setiap daripada mereka dapat meraikan perbezaan yang mungkin ada serta memupuk kerjasama sesama mereka dalam semua keadaan agar agenda perjuangan dapat dijayakan bersama-sama. Sewaktu berhadapan dengan kesusahan dan kepayahan setiap mereka akan saling bantu membantu, menyelesaikan setiap urusan dan mengangkat kepayahan, menanggung kesan-kesan daripadanya bersama-sama dengan rela hati dan dada yang lapang.

Semangat dari ketiga-tiga rukun ini mereka hayati, mereka bawa sepanjang hayat mereka. Ia menyebabkan kumpulan mereka membentuk sel-sel kecil yang mampu berperanan secara berkesan dalam semua keadaan, apatah lagi susunan usrah ini sentiasa mengikat mereka dalam semua tahap keahlian, tahap perkembangan dan penglibatan.

USRAH SEBAGAI PENERAJU DASAR TARBIAH KUIS

Usrah merupakan satu daripada perkara yang menjadi pegangan tetap - *al thawabit* -, yang mesti dijaga dan dipastikan diikuti oleh semua pegawai. Semua pegawai sama ada dari bahagian akademik atau pentadbiran mesti mempunyai usrah yang beroperasi sebulan sekali. Usrah kepada mereka merupakan satu takungan yang menghimpunkan beberapa orang ahli untuk terus menerusi mewujudkan satu suasana pembelajaran, perbincangan, saling berpesan dengan kebenaran dan kesabaran, mempertajam kefahaman, meningkatkan kesedaran, rasa tanggungjawab, keimanan dan iltizam terhadap Islam dan tuntutan-tuntutannya, memupuk semangat persaudaraan yang kuat, semangat perjuangan secara jama'i ke arah mengangkat panji tauhid diatas muka bumi Allah SWT ini.

Usrah setidak-tidaknya mengambil kedudukan sebagai satu-satunya wasilah tarbiah yang mesti dipertahan dan dihidupkan dalam semua suasana dan keadaan, suasana senang atau sukar, suasana kebebasan atau suasana penindasan lantaran ia mampu membangun ketahanan ahli berhadapan dengan ujian-ujian getir, terus kekal setia bersama perjuangan dan Islam. Ia juga merupakan tali pusat penghubung kepada nyawa organisasi sesama anggota seperti yang telah terbukti dalam sejarah.

PENGENDALIAN USRAH YANG BERKESAN

Perkara yang paling penting dalam memastikan pengendalian setiap wasilnya berlaku dengan sebaik-baiknya terutamanya wasilah usrah. Ia memerlukan seorang naqib yang berkebolehan, ahli-ahli kumpulan yang beriltizam dan berdisiplin tinggi, capaian yang mudah terhadap bahan-bahan penyampaian, persiapan awal yang mantap, suasana yang mengujakan, semangat

keahlian yang tinggi dari semua pihak, kewujudan ahli-ahli yang mempunyai kepakaran-kepakaran dan pengalaman-pengalaman yang tinggi selain daripada keikhlasan hati dalam melaksanakan tanggungjawab menjayakan perjalanan usrah. (Norafidah Gordani, 2017).

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Bahagian ini secara khusus akan menjawab hasil tinjauan pelaksanaan usrah dikalangan warga KUIS yang terdiri daripada pentadbir dan kakitangan akademik. Satu set soal selidik telah diedarkan. Seramai 150 orang kakitangan yang memberi respon mengenai soal selidik tinjauan pelaksanaan usrah tersebut. Dapatan tinjauan adalah seperti Jadual 1.1 dibawah.

Jadual 1.1 Jantina responden kajian soal selidik

Jantina	Kekerapan	Peratus
Lelaki	N=105	70%
Perempuan	N=45	30%
Jumlah	150	100%

Interpretasi data pada Jadual 1.1 menunjukkan bahawa penyertaan usrah bagi orang lelaki adalah tinggi berbanding orang perempuan iaitu sebanyak 70% (N=105) orang bagi lelaki dan 39% (N=45) orang perempuan.

Jadual 1.2 Umur responden kajian soal selidik

Umur	Kekerapan	Peratus
20-30 tahun	N=34	22.7%
31-40 tahun	N=72	48%
41-50 tahun	N=38	25.3%
50 tahun ke atas	N=6	4%
Jumlah	150	100%

Dapatan tinjauan pada Jadual 1.2 menjelaskan warga KUIS yang menyertai usrah adalah dalam lingkungan umur diantara 20an sehingga 50an. Peratusan tertinggi iaitu 48% (N=72) berumur 31-40 tahun, diikuti 25.3% (N=38) berumur 41-50 tahun, seterusnya 22.7% (N=34) berumur 20-30 tahun dan 4% (N=6) berumur 50 tahun ke atas.

Jadual 1.3 Kategori kakitangan responden kajian soal selidik

Kategori kakitangan	Kekerapan	Peratus
Staf Akademik	N=74	49.3%
Staf Pentadbiran	N=67	44.7%
Staf Sokongan		
Pegawai Pentadbir	N=9	6%
Pegawai Akademik		
Jumlah	150	100%

Merujuk dari sudut kategori kakitangan pula, didapati 49.3% (N=74) adalah terdiri daripada staf akademik, 44.7% (N=67) staf pentadbiran, manakala selebihnya 6% (N=9) adalah gabungan staf sokongan, pegawai pentadbir dan pegawai akademik.

Jadual 1.4 Tempoh perkhidmatan responden kajian soal selidik

Tempoh perkhidmatan	Kekerapan	Peratus
0-5 tahun	N=55	36.7%
6-10 tahun	N=42	28%
11-15 tahun	N=28	18.7%
15 tahun ke atas	N=25	16.7%
Jumlah	150	100%

Sementara itu, Jadual 1.4 memperincikan tempoh perkhidmatan responden kajian dimana 36.7% (N=55) adalah pegawai KUIS yang berkhidmat 0-5 tahun, 28% (N=42) berkhidmat 6-10 tahun, 18.7% (N=28) berkhidmat 11-15 tahun dan 16.7 (N=25) bagi yang telah berkhidmat 15 tahun ke atas.

Jadual 1.5 Pernahkah anda terlibat dalam usrah secara umum

Penglibatan usrah	Kekerapan	Peratus
Ya	N=114	76%
Tidak	N=36	24%
Jumlah	150	100%

Menjawab tentang persoalan penglibatan usrah secara umum, 76% (N=114) terlibat dengan usrah secara umum, sebaliknya 24% (N=36) tidak pernah terlibat dengan usrah sebelumnya.

Jadual 1.6 Tempoh penglibatan dalam usrah responden kajian soal selidik

Tempoh penglibatan	Kekerapan	Peratus
0-1 tahun	N=28	23%
< 5 tahun	N=46	37.7%
5-10 tahun	N=27	22.1%
10 tahun ke atas	N=21	17.2%
Jumlah	122	100%

Mengenai tempoh penglibatan dalam usrah seperti dalam Jadual 1.6, 37.7% (N=46) telah terlibat dengan usrah antara 2-5 tahun, 23% (N=28) 0-1 tahun berusrah, 22.1% (N=27) telah berusrah 5-10 tahun dan 17.2% (N=21) telah mengikuti usrah 10 tahun ke atas.

Jadual 1.7 Penglibatan dalam usrah KUIS sesi 2018

Penglibatan usrah 2018	Kekerapan	Peratus
Naqib/ah	N=14	9.3%
Ahli usrah	N=136	90.7%
Jumlah	150	100%

Penglibatan pegawai KUIS dalam usrah 2018 ditunjukkan dalam Jadual 1.7 dengan penglibatan 9.3% (N=14) berperanan sebagai naqib/ah dan selebihnya 90.7% menjadi ahli usrah sahaja.

Jadual 1.8 Kehadiran usrah KUIS wajib

Kehadiran usrah wajib	Kekerapan	Peratus
Ya	N=143	95.3%
Tidak	N=7	4.7%
Jumlah	150	100%

Jadual 1.9 Objektif pelaksanaan usrah KUIS

Objektif usrah	Kekerapan	Peratus
Ya	N=134	89.3%
Tidak	N=16	10.7%
Jumlah	150	100%

Jadual 1.10 Dasar tarbiyah Pegawai KUIS

Dasar tarbiyah	Kekerapan	Peratus
Ya	N=106	70.7%
Tidak	N=44	29.3%
Jumlah	150	100%

Jadual 1.11 Jadual pelaksanaan usrah Pegawai KUIS

Jadual pelaksanaan	Kekerapan	Peratus
Ya	N=131	87.3%
Tidak	N=19	12.7%
Jumlah	150	100%

Jadual 1.12 Medium komunikasi sesama ahli usrah

Medium komunikasi	Kekerapan	Peratus
Emel	N=	%
Telefon	N=	%
Whatsapp	N=142	94.7%
Tiada komunikasi	N=	%
Jumlah	150	100%

Jadual 1.13 Kehadiran usrah sesi 2017/2018

Kehadiran usrah sesi 2017/2018	Kekerapan	Peratus
0	N=	%
1	N=	%
2	N=34	22.7%
3	N=101	67.3%
Jumlah	150	100%

Jadual 1.14 Silibus usrah Pegawai KUIS

Silibus usrah	Kekerapan	Peratus
Ya	N=135	90%
Tidak	N=15	10%
Jumlah	150	100%

Jadual 1.15 Naqib/ah menggunakan silibus usrah Pegawai KUIS

Silibus usrah	Kekerapan	Peratus
Ya	N=130	86.7%
Tidak	N=7	4.6%
Tidak pasti	N=13	8.7%
Jumlah	150	100%

Jadual 1.16 Silibus memberi kefahaman Islam yang syumul kepada Pegawai KUIS

Silibus usrah	Kekerapan	Peratus
Ya	N=131	87.3%
Tidak	N=2	1.4%
Tidak pasti	N=17	11.3%
Jumlah	150	100%

Jadual 1.17 Tahap pengendalian naqib/ah usrah Pegawai KUIS

Tahap pengendalian	Kekerapan	Peratus
Sangat menarik	N=	61.3%
Sederhana	N=	33.3%
Tidak menarik	N=	%
Tak tahu	N=	%
Menarik tetapi masa kadang-kadang singkat	N=	%
	N=	%
	N=	%
Jumlah	150	100%

Jadual 1.18 Usrah yang dihadiri menimbulkan suasana perbincangan

Perbincangan	Kekerapan	Peratus
25%	N=17	11.4%
50%	N=23	15.4%
75%	N=64	42.3%
100%	N=46	30.9%
Jumlah	150	100%

Jadual 1.19 Faktor usrah tidak menarik

Faktor usrah yang tidak menarik	Kekerapan	Peratus
Tempat yang tidak kondusif	N=22	14.7%
Masa yang tidak sesuai	N=36	24%

Perbincangan yang bersifat satu hala	N=26	17.3%
Penetapan ahli usrah yang tidak sesuai	N=	
Naqib/ah kurang berkemahiran mengendali usrah	N=16	10.7%
Lain-lain	N=43	28.7%
Tempat tidak kondusif	N=	
Jumlah	150	100%

Interpretasi Jadual 1.19 mengenai faktor menunjukkan bahawa usrah tidak menarik perhatian pegawai antaranya 24% menyatakan masa yang ditetapkan itu adalah tidak sesuai. Perbincangan usrah pula bersifat satu hala iaitu sebanyak 17.3% dan tempat yang tidak kondusif sebanyak 14.7%.

CADANGAN KAJIAN

Hasil soal selidik yang telah diedarkan itu,beberapa cadangan yang boleh ditambahbaik untuk pelaksanaan usrah yang akan datang antaranya:

1. Perlu berikan penekanan kepentingan usrah ini semasa perhimpunan bulanan bersama Rektor.
2. Mengenalpasti masa yang sesuai untuk pelaksanaan usrah terutamanya bagi staf yang mempunyai banyak jawatan. Dicadangkan waktu adalah fleksibel mengikut kesepakatan naqibah dan ahli usrah.
3. Kehadiran dan kandungan usrah secara dalam talian bagi memudahkan pemantauan oleh naqib dan peringatn buat ahli usrah seperti data ahli usrah, kehadiran, kandungan silibus, jadual usrah, forum @ perbincangan dan perkara yang berkaitan.
4. Boleh dikembangkan kepada usrah umum iaitu sebagai contoh usrah perdana bersifat pengurusan jenazah teori dan praktikal, praktikal sembelihan, program sukan sunnah (memanah, berkuda, berenang dan lain-lain), program khidmat ummah dan pelbagai program yang bersesuaian.
5. Fikirkan semula dengan persetujuan semua peringkat pengurusan agar ada satu waktu yang tetap iaitu semua staf boleh hadir seperti perhimpunan bulanan dan pelepasan diberikan kepada semua staf kerana banyak mesyuarat yang kebetulan diadakan melangkaui waktu usrah.
6. Dibenarkan usrah diadakan diluar kawasan KUIS atau di tempat lain selain masjid.
7. Perlu menggunakan video, visual, praktikal dan sebagainya.
8. Mengadakan ujian pemahaman ahli usrah supaya lebih ingat.
9. Mentadabbur al-Quran setiap kali memulakan usrah.
10. Penglibatan bersama pihak NGO dalam mengadakan aktiviti.
11. Cadangan usrah diadakan pada setiap hari khamis. Ini adalah kerana jumaat kebanyakan staff cuti dan lain-lain.
12. Menggabungkan antara pegawai akademik dan pentadbiran dalam satu usrah.

KESIMPULAN

Suatu penilaian semula dalam setiap sistem usrah perlu dianalisis agar ianya benar-benar telah mampu mencapai matlamat asal perlaksanaannya. Sistem usrah yang diaplikasikan perlu membudayakan keterbukaan supaya ia tidak terlalu rigid dan eksklusif yang akhirnya menimbulkan keraguan di kalangan ahli usrah itu sendiri (Ahmat, 2017). Namun dapat dilihat antara kesan pengaruh sistem usrah ini pegawai semakin merasai kemesraan antara satu sama lain walaupun dari pelbagai bahagian dan fakulti.

RUJUKAN

Al-Quran pimpinan Al-Rahman.

Ahmad, I. (2011). *Panduan Usrah*. Kuala Lumpur: Sarjana Media.

Ahmat, M. A. (2017). *Sejarah Usrah*. Selangor: Seri Kembangan.

Norafidah Gordani, A. G. (2017). Sukatan Usrah Dalam Membentuk Akhlak Mulia: Kajian Di Maahad Tahfiz Wal Tarbiyyah Darul Iman (Satu Dapatan Awal), , . *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, Vol.4, Bil.1.

Norsaadah binti Din. yusni bin Mohamad Yusak, Muhamad Fadzil. (2012). *Usrah Wadah Pendidikan : Pengaplikasiannya Melahirkan Insan Terpelajar dan Terdidik*. Negeri Sembilan: USIM.